



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 12 April 2017

Bil. 10/2017

Ruj : UMS/ PEND2.1/100-1/7/2

GARIS PANDUAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI KAKITANGAN PENTADBIRAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Pemakaian Garis Panduan Program Sangkutan Industri Kakitangan Pentadbiran Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Program Sangkutan Industri Kakitangan Pentadbiran merupakan salah satu cabang dalam latihan kepada kumpulan perkhidmatan pentadbiran Universiti yang bersesuaian dengan bidang kepakaran kakitangan universiti.
- 2.2 Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran sedia ada disamping memberi peluang kepada kakitangan untuk mendapatkan pengiktirafan kelayakan profesional dalam sesuatu bidang.
- 2.3 Jawatankuasa Pengajian Lanjutan Kakitangan Pentadbiran Universiti telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Garis Panduan Program Sangkutan Industri Kakitangan Pentadbiran berdasarkan penandaarasan di beberapa Universiti Awam.
- 2.4 Garis panduan ini telah diluluskan dalam **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBP) Kali Ke-209 (Bil.3/2017)** yang telah diadakan pada **6 Mac 2017**.
- 2.5 Garis Panduan Program Sangkutan Industri Kakitangan Pentadbiran adalah seperti di lampiran 1.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh diluluskan oleh Mesyuarat PBPU Kali Ke-209 iaitu pada **6 Mac 2017**.

"BERTEKAD CEMERLANG"



NO'MAN HJ. AHMAD

Pendaftar

Tarikh : **12** April 2017

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GARIS PANDUAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI KAKITANGAN PENTADBIRAN

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT PENGAJIAN LANJUTAN
SEKSYEN KEMAJUAN KERJAYA
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PENDAFTAR

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.	PENDAHULUAN	2
2.	TAFSIRAN	2
3.	TUJUAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI	2
4.	KELAYAKAN	3
5.	TEMPOH	4
6.	PERANCANGAN PROGRAM	4
7.	PANDUAN PEMILIHAN TEMPAT	4
8.	KEMUDAHAN DAN FAEDAH	5
9.	KUOTA PENEMPATAN TAHUNAN	5
10.	KUASA MELULUSKAN	6
11.	TANGGUNGJAWAB PEGAWAI	6
12.	PERTUKARAN TEMPAT DAN TEMPOH PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI	6
13.	TATATERTIB DAN PENGLIBATAN DALAM PEKERJAAN	6
14.	LAPORAN	7
15.	IKATAN	7
16.	PROSEDUR MEMOHON	7
17.	PENCALONAN MENGIKUT PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI OLEH UNIVERSITI	8
18.	HAK UNIVERSITI	8
19.	CARTA ALIR	9-11
20.	LAMPIRAN A: KADAR KEMUDAHAN DAN FAEDAH	12-20

**GARIS PANDUAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pelaksanaan Program Sangkutan Industri bagi Pegawai Universiti Malaysia Sabah.

2. TAFSIRAN

Istilah yang digunakan dalam Garis Panduan Program Sangkutan Industri ini adalah seperti berikut;

- a) "Pegawai" merujuk kepada kakitangan pentadbiran Universiti.
- b) "Kelayakan Profesional" merujuk kepada kelayakan yang menunjukkan pengiktirafan dalam bidang kepakaran pegawai.
- c) "Jawatankuasa" merujuk kepada Jawatankuasa Pengajian Lanjutan Kakitangan Pentadbiran.
- d) "Sektor Awam" merujuk kepada agensi, jabatan atau syarikat hak milik kerajaan termasuk badan berkanun.
- e) "Sektor Swasta" merujuk kepada syarikat atau agensi bukan kerajaan.
- f) "Universiti" merujuk kepada Universiti Malaysia Sabah.
- g) "Urus Setia" merujuk kepada Bahagian / Unit yang mengendalikan Program Sangkutan Industri.
- h) "Industri" merujuk sesuatu tempat latihan boleh dilaksanakan di luar Universiti sama ada bertaraf jabatan awam, swasta atau *Government Linked Companies* (GLC).
- i) "PTJ" merujuk kepada Pusat Tanggungjawab.
- j) "Majikan" merujuk kepada ketua jabatan tempat latihan dijalankan.

3. TUJUAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI

Program Sangkutan Industri boleh dijalankan dalam bentuk latihan yang sesuai dengan bidang kepakaran pegawai yang bertujuan untuk:

- a) mempelajari amalan terbaik yang dilaksanakan di industri bagi menambah pengalaman pegawai dalam bidangnya;
- b) mengetahui perkembangan terkini yang berlaku dalam industri dan meneroka bidang baru bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai dalam bidangnya;
- c) mendapatkan pengiktirafan kelayakan profesional dalam sesuatu bidang; dan
- d) memantapkan kelompok bakat Universiti.

4. KELAYAKAN

Pegawai boleh dipertimbangkan untuk menjalani Program Sangkutan Industri sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Telah berkhidmat di UMS sekurang-kurangnya;
 - i. Tiga (3) tahun bagi penempatan dalam negara; atau
 - ii. Lima (5) tahun bagi penempatan luar Negara.
- c) Mencapai purata 85% dan ke atas markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tiga (3) tahun terkini;
- d) Bebas daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- e) Diperakukan sihat oleh Panel Perubatan UMS untuk menjalani Program Sangkutan Industri;
- f) Program Sangkutan yang dipohon hendaklah berkaitan dengan bidang kepakaran atau tugas hakiki pegawai;
- g) Pegawai telah menyelesaikan ikatan kontrak perkhidmatan dengan Universiti (sekiranya ada); dan
- h) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

5. TEMPOH

Tempoh minimum bagi Program Sangkutan Industri adalah satu (1) bulan. Manakala tempoh maksimum adalah tidak melebihi dua belas (12) bulan.

6. PERANCANGAN PROGRAM

- a) Pegawai hendaklah:
 - i. mengemukakan surat tawaran rasmi daripada tempat yang dipilih untuk menjalani Program Sangkutan Industri.
 - ii. mengemukakan perancangan Program Sangkutan Industri yang telah dipersetujui bersama dengan industri berkenaan.
- b) Pelaksanaan adalah berdasarkan perancangan program dan tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa.

7. PANDUAN PEMILIHAN TEMPAT

Tempat latihan yang dipilih oleh Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Sektor awam atau swasta yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara;
- b) Sekiranya dijalankan di sektor swasta luar Negara, industri tersebut hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa di Negara berkenaan dan hendaklah disahkan tidak terlibat dengan sebarang kegiatan jenayah;
- c) Pegawai hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang lengkap (*proposal*) dan hendaklah membentangkan cadangan/usul tersebut kepada Jawatankuasa melulus;
- d) Industri yang dipilih mempunyai nilai tambah (*value added*) kepada pengalaman sedia ada pegawai dan reputasi Universiti; dan
- e) Industri yang dipilih mempunyai *Structured Training Programme* yang sesuai dengan keperluan pegawai.

8. KEMUDAHAN DAN FAEDAH

a) Sepanjang tempoh sangkutan, Pegawai layak dibayar elaun seperti berikut:

DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
i. Bergaji penuh; ii. Bantuan Sara Hidup (COLA) – kadar mengikut penempatan; (<i>Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 'Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup'</i>) iii. Insuran Kemalangan Diri – ditanggung oleh Universiti; iv. Elaun Sara Hidup RM900.00 sebulan; dan v. Tambang perjalanan pergi dan balik sahaja. vi. Elaun Penginapan- mengikut kelayakan	i. Bergaji penuh; ii. Elaun Sara Hidup – mengikut kadar penempatan ; iii. Insuran Kesihatan – ditanggung oleh Universiti; iv. Tambang perjalanan pergi dan balik pegawai sahaja (tidak termasuk keluarga) mengikut kadar yang munasabah; dan v. Elaun Pakaian Panas (mengikut kelayakan dinyatakan dalam <i>Pekeliling Perbendaharaan Bil.3/2003</i>). vi. Elaun Penginapan
Kadar lengkap: Seperti di Lampiran A	

- b) Jawatankuasa berhak membuat sebarang penyelarasan elaun yang diterima oleh pegawai sepanjang tempoh menjalani Program Sangkutan Industri berdasarkan surat tawaran daripada industri.
- c) Dalam tempoh menjalani Program Sangkutan Industri, elaun-elaun khas pentadbiran yang diterima akan dihentikan dan tidak akan diberi selama tempoh menjalani Program Sangkutan Industri tersebut.
- d) Sepanjang tempoh sangkutan, pegawai tidak dibenarkan bercuti rehat kecuali kes-kes khas yang dibenarkan dengan kelulusan Majikan dan pihak Universiti. Cuti rehat yang diluluskan akan ditolak daripada kelayakan cuti tahunan pegawai.

9. KUOTA PENEMPATAN TAHUNAN

Bilangan pegawai yang diluluskan untuk mengikuti Program Sangkutan adalah berdasarkan kepada peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Universiti dalam tahun kewangan semasa.

10. KUASA MELULUS

Semua permohonan yang layak akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Lanjutan Kakitangan Pentadbiran.

11. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

Pegawai yang sedang menjalani Program Sangkutan Industri hendaklah bertanggungjawab mematuhi undang-undang, peraturan serta arahan yang ditentukan oleh tempat Program Sangkutan Industri atau peraturan Negara yang berkenaan. Pegawai masih terikat kepada Peraturan Perkhidmatan Awam dan peraturan-peraturan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

12. PERTUKARAN TEMPAT DAN TEMPOH PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI

- i. Pegawai tidak dibenarkan menukar tempat industri yang telah diluluskan kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa.
- ii. Pegawai tidak dibenarkan memendekkan tempoh Program Sangkutan Industri kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa.
- iii. Pegawai tidak dibenarkan menangguhkan atau membatalkan latihan kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa.

13. TATATERTIB DAN PENGLIBATAN DALAM PEKERJAAN

- i. Pegawai dalam tempoh Program Sangkutan Industri tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj), 2000 (Akta 605) dan peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- ii. Pegawai dalam tempoh Program Sangkutan Industri tidak dibenarkan terlibat dalam apa-apa jua aktiviti secara langsung atau tidak langsung yang difikirkan oleh Universiti yang menjejaskan imej Universiti.
- iii. Pegawai bertanggungjawab memelihara kerahsiaan kedua belah pihak sepanjang tempoh Program Sangkutan Industri.

14. LAPORAN

- i. Pegawai perlu mengemukakan laporan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh lapor diri di Universiti mengikut format yang telah ditetapkan. Laporan hendaklah mengandungi Cadangan amalan terbaik (*Best Practices*) hasil daripada Program Sangkutan Industri untuk dipertimbangkan pelaksanaannya di UMS.
- ii. Pegawai yang gagal menghantar laporan dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan diberi pertimbangan untuk mendapatkan Program Sangkutan Industri pada masa hadapan dan boleh diambil tindakan tatatertib berdasarkan Akta 605.
- iii. Pegawai perlu membentangkan laporan program mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia.

15. IKATAN

Pegawai yang diluluskan mengikuti program ini hendaklah menandatangani ikatan perjanjian untuk berkhidmat dengan Universiti selama dua (2) tahun bagi setiap tempoh sangkutan yang diluluskan atau membayar tiga (3) kali ganda jumlah kos sebenar yang telah dibelanjakan. Kegagalan pegawai menamatkan program sangkutan mengikut tempoh yang diluluskan tanpa kebenaran jawatankuasa akan dikenakan tuntutan gantirugi mengikut nilai sebenar yang telah dibelanjakan (kadar elaun yang telah dibayar).

16. PROSEDUR PERMOHONAN

Pemohon dikehendaki menggunakan borang permohonan seperti Lampiran 1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak urusetia mengikut jadual yang ditetapkan. Pegawai juga dikehendaki mengadakan pembentangan kertas cadangan jika dikehendaki oleh Jawatankuasa Melulus. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan diproses.

17. PENCALONAN MENGIKUTI PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI OLEH UNIVERSITI:

Pihak Universiti melalui Jawatankuasa Pengajian Lanjutan Kakitangan Pentadbiran boleh mencalonkan mana-mana pegawai dari kalangan kelompok bakat yang dikenalpasti berkecukupan untuk mengikuti Program Sangkutan Industri. Penempatan dan agensi yang terlibat adalah ditentukan oleh jawatankuasa berkenaan.


18. HAK UNIVERSITI

Universiti berhak meminda apa-apa syarat dalam garis panduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang makluman dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.


Universiti berhak menarik balik kelulusan Program Sangkutan Industri atau menamatkan tempoh Program Sangkutan Industri pegawai dengan memberi notis bertulis pada bila-bila masa atas kepentingan perkhidmatan.

CARTA ALIR PROSEDUR MENJALANI PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI


PEGAWAI UMS [SECARA PERMOHONAN]



**CARTA ALIR PROSEDUR MENJALANI PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI
PEGAWAI UMS [SECARA PELAWAAN/PENCALONAN]**



**CARTA ALIR PROSEDUR SELEPAS MENAMATKAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI
OLEH PEGAWAI UMS**



LAMPIRAN A

DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
a) Emolumen yang layak diterima i. Gaji Pokok ii. Imbuhan Tetap Keraian / Imbuhan Tetap Khidmat Awam iii. Imbuhan Tetap Perumahan iv. Bayaran Insentif Wilayah / Bantuan Sara Hidup (COLA) * <i>Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 'Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup'</i>	a) Emolumen yang layak diterima i. Gaji Pokok ii. Imbuhan Tetap Keraian / Imbuhan Tetap Khidmat Awam iii. Imbuhan Tetap Perumahan iv. Bayaran Insentif Wilayah [tidak dibayar sekiranya pegawai meninggalkan wilayah melebihi 3 bulan]
b) Kadar Elaun yang layak diterima i. Elaun Sara Hidup RM900 Sebulan ii. Elaun Penginapan mengikut kelayakan berkursus	b) Kadar Elaun yang layak diterima i. Elaun Sara Hidup *Mengikut kadar penempatan ii. Elaun Pakaian Panas <i>Rujukan : Pekeliling Perbendaharaan Bil.3/2003.</i> iii. Elaun Penginapan mengikut kelayakan berkursus
c) Kemudahan lain i. Tambang Perjalanan (Pergi dan balik melapor diri sahaja) ii. Insurans Diri	c) Kemudahan lain i. Tambang Perjalanan (Pergi dan balik sahaja mengikut kadar yang termurah dari Universiti ke tempat latihan) ii. Insurans Kesihatan

Nota :

* Kadar mengikut penempatan

Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) Bagi Dalam Negara

Jadual: Kadar Baru Bantuan Sara Hidup

Kawasan	Kadar Baru Sebulan (RM)
Kawasan A	300
Kawasan B	250
Kawasan Lain	150

Kawasan A dan B adalah berdasarkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan seperti berikut:

Pihak Berkuasa Tempatan - Kawasan A

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru

Pihak Berkuasa Tempatan - Kawasan B

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Johor	Batu Pahat, Johor Bahru Tengah, Kluang, Kulai dan Muar
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi dan Sungai Petani
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman dan Kuala Terengganu

Elaun Sara Hidup Bagi Luar Negara

1. Amerika Syarikat

JENIS ELAUN	KADAR BARU (USD)		
	KADAR A	KADAR B	KADAR C
SARA HIDUP (BULANAN)			
- Saraan	477	431	385
- Penginapan	805	690	575

Nota: Kadar A: Washington, D.C, Los Angeles, New York City, Chicago dan Francisco
 Kadar B: California, Hawaii, Rhode Island, Massachusetts, Connecticut, New Jersey, Philadelphia, Pittsburgh, University Park, Atlanta, Miami, Houston, Dallas/Forthworth, Detroit, Seattle, Portland, Evanston dan Park

Forest di Illinois, Arlington dan Irving di Texas, Coral Gables, kawasan Ford Lauderdale hingga ke Miami di Florida dan Durham di North Carolina

Kadar C: Tempat-tempat yang tidak disebutkan di senarai di atas.

2. Arab Saudi

JENIS ELAUN	KADAR (SARL)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,925

3. Australia

JENIS ELAUN	KADAR A (AUD\$)	KADAR B (AUD\$)
SARA HIDUP (BULANAN)		
- Saraan	460	437
- Penginapan	920	690

KADAR A: (Sydney, Melbourne, Perth, Canberra & Brisbane)

U Of New South Wales, U Of Sydney, U Of Tech Sydney, Hawkesbury Agr College, MacArthur Inst A.E., Macquarie U, Footscray Inst. Of Tech, Swinburne Ist Of Tech, La Trobe U, Chishola Inst Of Tech, Monash U, RMIT, Melbourne U, Aust National U ACT, Canberra College Adv Education, Curtin U, Murdoch U, U Of Western Aust, Western Aust College Adv. Education, Darling Downs Inst Tech, Griffith U, Queensland Inst Of Tech, Queensland U

KADAR B: Gippsland Inst Tech, Deakin U, Ballarat College Adv Education, Bendigo College Adv Education, Warrnambool Inst Of Tech, Mitchell College Adv Education, Riverina Murray Inst HAE, U Of New England, U Of Newcastle, U Of Wollongong, Adelaide U, Flinders U, South Aust Inst Tech, Tasmania Inst Tech, U Of Tasmania.

Nota:

Kadar adalah di dalam AUD(\$) melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Berkuatkuasa pada 1 Februari 2006

4. Belgium

JENIS ELAUN	KADAR BARU (€)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112

Nota: Kadar adalah di dalam Euro (€) melainkan yang dinyatakan secara spesifik.

5. China

JENIS ELAUN	KADAR BARU CNY)
SARA HIDUP (BULANAN)	5,091

6. Denmark

JENIS ELAUN	KADAR BARU (€) (Mulai 1 Mac 2006)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112

Nota: Kadar adalah di dalam Euro (€) melainkan yang dinyatakan secara spesifik

7. Finland

JENIS ELAUN	KADAR BARU (€)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112.57

Nota: Kadar adalah di dalam Euro (€) melainkan yang dinyatakan secara spesifik.

8. Hong Kong

JENIS ELAUN	KADAR (HK\$)
SARA HIDUP (BULANAN)	5,809

9. India

JENIS ELAUN	KADAR (IR)
SARA HIDUP (BULANAN)	8,154

10. Indonesia

JENIS ELAUN	KADAR A (RM)	KADAR B (RM)
SARA HIDUP (BULANAN)		
- SARAAN	805	644
- PENGINAPAN	345	276

KADAR A : Jakarta

KADAR B : Tempat-tempat selain dari kadar A

Nota:

Kadar adalah di dalam Ringgit Malaysia (RM)

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2006

11. Ireland

JENIS ELAUN	KADAR BARU (€)	
	KADAR A	KADAR B
SARA HIDUP (BULANAN)		
- SARAAN	554	502
- PENGINAPAN	414	362

Nota: Kadar A: Dublin

Kadar B: Selain daripada Dublin

12. Italy

JENIS ELAUN	KADAR (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112.57

13. Jepun

JENIS ELAUN	KADAR A (¥)	KADAR B (¥)
SARA HIDUP (BULANAN)	172,500	166,750

KADAR A: Keseluruhan kawasan Tokyo, Yokohama, Yokosuka, Kawasaki, Kamakura, Zushi, Hayama, Miuragun (KanagawaPref), Nagoya (Aichi pref), Kyoto, Osaka, Sakai, Kishiwada, Toyonaka, Ikeda, Suita, Izumi, Takatsuki, Kaizuka, Moriguchi, Hirakata, Ibaraki, Yoa, Izumisano, Tondabayashi, Niyagawa, Izumic, Minoo, Takishi, Higashi Osaka, tadaoka, Izumi Katagun (Osaka Pref)

KADAR B: Lain- lain tempat

14. Jerman

JENIS ELAUN	KADAR (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112.57

15. Jordan

JENIS ELAUN	KADAR BARU (RM)
SARA HIDUP (BULANAN)	-
- Saraan	1,725
- Penginapan	1,035

Nota:

Kadar adalah di dalam Ringgit Malaysia (RM) melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Berkuatkuasa pada 1 April 2008

16. Kanada

JENIS ELAUN	KADAR BARU (CAD)	
	KADAR A	KADAR B
SARA HIDUP (BULANAN)		
- Saraan	575	517
- Penginapan	920	828

Nota: Kadar adalah di dalam **Canadian Dollar (CAD)** melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Kadar A adalah bagi Toronto, Ottawa, Calgary, Montreal dan Vancouver
Kadar B pula adalah bagi lain-lain tempat di Kanada
Berkuatkuasa mulai 1 September 2008

17. Korea Selatan

JENIS ELAUN	KADAR (WON\$)
SARA HIDUP (BULANAN)	
- Saraan	414,000
- Penginapan	345,000

Nota:

Kadar adalah di dalam **Won Korea (KRW)** melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Berkuatkuasa pada 1 Mac 2006

18. Malaysia

JENIS ELAUN	KADAR BARU (RM)	
	KADAR A	KADAR B
SARA HIDUP (BULANAN)		
- Ijazah Pertama/Diploma	900	800
- Lanjutan	900	800
- Sarjana	900	800
- PhD		

Nota: Kadar A: Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Perai, Johor Bahru, Shah Alam, Sepang, Klang, Kajang, Petaling Jaya, Ampang, Sabah dan Sarawak.
Kadar B: Tempat-tempat lain
Tarikh Kuatkuasa: 1 Julai 2007

19. Mesir

JENIS ELAUN	KADAR BARU (USD)
SARA HIDUP (BULANAN)	-
- Saraan	299
- Penginapan	184

Nota:

Kadar adalah di dalam **American Dollar (USD)** melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Berkuatkuasa pada 1 April 2008

20. Netherlands dan Austria

JENIS ELAUN	KADAR BARU (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112

Nota:

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2007

21. New Zealand

JENIS ELAUN	KADAR A (NZD)	KADAR B (NZD)
SARA HIDUP (BULANAN)		
- Saraan	529	503
- Penginapan	920	690

KADAR A: (Wellington & Auckland)

KADAR B: Lain-lain kawasan

Nota:

Kadar adalah di dalam **New Zealand Dollar (NZD)** melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Berkuatkuasa pada 1 Februari 2006

22. Norway

JENIS ELAUN	KADAR BARU (NOK)
SARA HIDUP (BULANAN)	7,667

Nota: Kadar adalah di dalam **Norwegian Krone (NOK)** melainkan yang dinyatakan secara spesifik.

23. Pakistan

JENIS ELAUN	KADAR (PR)
SARA HIDUP (BULANAN)	7,475

24. Peranchis

JENIS ELAUN	KADAR (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)	1112.57

25. Poland

JENIS ELAUN	KADAR (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)	
- Saraan	713
- Penginapan	207

26. Republic Czech

JENIS ELAUN	KADAR A (EURO)	KADAR B (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)		
- Saraan	713	690
- Penginapan	207	115

Nota:

Kadar A: Bandar Prague sahaja

Kadar B: Lain-lain tempat di Republic Czech

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2007

27. Rusia dan Ukraine

JENIS ELAUN	KADAR A (USD\$)	KADAR B (USD\$)
SARA HIDUP (BULANAN)	770	550

KADAR A : Bandar Moscow dan St. Petersburg. Lain-lain Bandar boleh dipertimbangkan untuk kadar A sekiranya kawasan tersebut disenaraikan sebagai anatar 10 bandar teratas berkos tinggi sepertimana dicatatkan dalam *Mercer Human Resources Cost Of Living Survey Index* dari masa ke semasa.

KADAR B : Negara Ukraine dan Bandar-bandar lain yang tidak tersenarai dalam kadar A.

28. Singapura

JENIS ELAUN	KADAR (S\$)
SARA HIDUP (BULANAN)	629

29. Sepanyol

JENIS ELAUN	KADAR BARU (EURO)
SARA HIDUP (BULANAN)	1,112.46

Nota: Kadar adalah di dalam EURO (€) melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Kadar ditetapkan secara interim dengan menggunakan kadar negara Jerman
Tarikh kuat kuasa kadar ini adalah pada **1 September 2007**

30. Sweden

JENIS ELAUN	KADAR BARU (SEK)
SARA HIDUP (BULANAN)	10,520

Nota:

Kadar adalah di dalam Swedish Krona (SEK) melainkan yang dinyatakan secara spesifik
Kadar ini menggunakan kadar negara Jerman secara interim
Berkuatkuasa pada **1 September 2008**

31. Switzerland

JENIS ELAUN	KADAR (RM)
SARA HIDUP (BULANAN)	4,500

31. Thailand

JENIS ELAUN	KADAR (BAHT)
SARA HIDUP (BULANAN)	6,072

31. United Kingdom

JENIS ELAUN	KADAR BARU (£)	
	KADAR A	KADAR B
SARA HIDUP (BULANAN)	1,203	1,012

Nota: Kadar A: London, University of Oxford dan University of Cambridge
Kadar B: Selain daripada tempat-tempat di atas

Ahli Jawatankuasa Penggubal Garis Panduan Program Sangkutan Industri Kakitangan
Pentadbiran:

BIL	NAMA/JAWATAN/JFPIU
1	ENCIK NO'MAN HJ AHMAD Pendaftar
2	Encik Luqman Ridha Anwar Ketua Bahagian Sumber Manusia
3	Encik Darwis Awang Ketua Jabatan Canselor
4	Encik Mohd Raffie Hj. Janau Pengarah Pusat Alumni UMS
5	Puan Vina Zahriani Yusof Ketua Bahagian Perhubungan Koporat
6	Encik Awang Suhaizam Bungso Ketua Bahagian Perundangan dan Integriti Jabatan Pendaftar
7	Encik Samsudin Nurdin Ketua Sektor Pembangunan Sumber Manusia
8	Encik Motinius Guntalib Timbalan Ketua Pegawai Sains Institut Penyelidikan Marin Borneo
9	Tuan Haji Zawawi Tiyunin @ Yus Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Jabatan Perpustakaan
10	Encik Jorin Bin Matawas Timbalan Ketua Jurutera Kanan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
11	Encik Mohamad Edrus Bin Othman Timbalan Bendahari Jabatan Bendahari
12	Encik Thomas Bin G. Timin Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

13

Puan Stella@Nurul Martini Gontol

Ketua

Seksyen Kemajuan Kerjaya

Bahagian Sumber Manusia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PERMOHONAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI

MAKLUMAT PEMOHON					
Nama :					
No.K/P :					
Jawatan :		J/F/P/I/U :			
Tarikh disah ke Jawatan sekarang :					
Masalah Kesihatan (jika ada) :					
Alamat Kediaman : (Terkini)		Tel :			
KURSUS/LATIHAN/SANGKUTAN (yang pernah diikuti dalam tempoh 2 tahun)					
(Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)					
BIL	Nama Kursus	Tarikh		Tempat	Penganjur
		Mula	Tamat		
Adakah anda memohon untuk mengikuti kursus panjang seperti Msc & PhD?(Ya/Tidak)					
Jika ya, nyatakan kursus dan bidangnya:					
Adakah anda memohon untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh JPA & JICA (Ya/Tidak)					
Jika ya, nyatakan kursus/latihan berkenaan :					
LATIHAN YANG INGIN DIIKUTI					
Kejuruteraan	()	<i>Sila lampirkan kertas kerja yang mengandungi:</i>			
Kewangan	()	i. Butiran lengkap bidang pengkhususan.			
Teknologi Maklumat	()	ii. Program latihan yang dipersetujui oleh pihak industri.			
Sumber Manusia	()	iii. Senarai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang ingin diperolehi di Industri yang diadakan.			
Lain-lain (Nyatakan)		iv. Surat Tawaran daripada Industri			

Nama & Alamat Tempat Latihan yang dicadangkan	
	Tel : _____ No Fax: _____
Pegawai yang boleh dihubungi :	
Tempoh Sangkutan Industri yang dipohon : _____ (bulan)	
Tarikh Mula :	Tarikh Akhir: _____

ANGGARAN PERBELANJAAN	
Jarak dari Tempat tinggal ke Tempat Latihan :	
Tempat Menginap semasa sangkutan : (Kediaman sendiri/ Lojing)	
Alamat Lojing (Jika berkenaan)	
PERAKUAN PEMOHON (Tandakan (/) pada kotak yang disediakan)	
a) Saya mengaku bahawa saya : i) Telah mengisytiharkan harta; ☐ ii) Tidak hamil, sihat tubuh badan dan tidak menghadapi penyakit kritikal ☐ b) Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar pada tarikh pendaftaran ini dan saya bertanggungjawab terhadap maklumat berkenaan. Saya faham bahawa pihak Universiti Malaysia Sabah berhak menarik balik permohonan ini sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak benar. Saya juga bersetuju bahawa pihak UMS berhak menggantikan penempatan industri yang berlainan dari apa yang dipohon. c) Saya mengesahkan bahawa saya akan mematuhi Peraturan Am kerajaan dan apa-apa program sangkutan ini. Tarikh: _____ (Tandatangan Pemohon)	

SOKONGAN PENYELIA(Pegawai Memantau)

☐
☐

Disokong

Tidak disokong

Ulasan : _____

Tarikh : _____

Nama :

Tandatangan :

Cop : _____

PERAKUAN KETUA JABATAN

☐
☐

Diperakukan

Tidak diperakukan

Ulasan : _____

Tarikh : _____

Nama :

Tandatangan:

Cop : _____

Tarikh dikemukakan ke mesyuarat Pengajian Lanjutan (Pentadbiran): _____

Status :

☐
☐

Lulus

Tidak diluluskan

Ulasan : _____



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN MENGIKUTI
PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI**

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>STATUS</u>
PERMOHONAN		
1.	[Borang Permohonan] Borang Permohonan yang diisi lengkap.	[]
2.	Kelulusan Ketua Jabatan	[]
3.	Surat Tawaran daripada Industri	[]
4.	Senarai Tugas Pemohon	[]
5.	Kertas Cadangan	[]
SETELAH DILULUSKAN		
6.	Pemeriksaan Kesihatan	[]
7.	Borang Insuran	[]
8.	Surat Perjanjian	[]
SETELAH TAMAT PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI		
9.	Lapor diri	[]
10.	Laporan Program Sangkutan Industri	[]
11.	Pembentangan Hasil laporan	[]